

## SIARAN MEDIA

### RM1.5 JUTA PERUNTUKAN PEMULIHAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA TERBENGGALAI DI KUALA KANGSAR

---

**KUALA KANGSAR, 4 Ogos 2023** – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyerahkan peruntukan berjumlah RM1.5 juta kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) bagi Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai di bawah Inisiatif Belanjawan 2023 semasa sesi lawatan kerja beliau ke tapak projek perumahan **Taman Mayang Fasa 2, di Kuala Kangsar, Perak.**

Peruntukan RM1.5 juta ini akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) yang dilantik sebagai agensi pelaksana bagi memantau dan menyiapkan projek menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan (*Sewage Treatment Plant*, STP) dan kerja-kerja yang berkaitan di tapak projek Taman Mayang Fasa 2.

**Projek Taman Mayang Fasa 2** merupakan salah satu projek yang diisytiharkan terbengkalai pada 28 September 2018 di negeri Perak. Projek perumahan ini terdiri daripada 65 unit rumah teres dua tingkat serta 22 unit rumah berkembar dua (2) tingkat dengan kemajuan keseluruhannya telah mencapai 95% siap. Namun begitu, projek ini gagal memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan atau Sijil Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation*, CFO, atau *Certificate of Completion and Compliance*, CCC) berikutan Loji Rawatan Kumbahan (STP) sedia ada belum mendapat sokongan serta perakuan daripada pihak Indah Water Konsortium (IWK). Perakuan ini belum diperolehi kerana pihak pemaju gagal menaik taraf loji tersebut ekoran masalah kewangan dan teknikal yang dihadapi oleh pemaju tersebut.

Sehubungan itu, melalui penyaluran peruntukan pemulihan projek perumahan terbengkalai di bawah inisiatif 2023 ini, kerja-kerja menaik taraf loji tersebut dijangka dapat

dilaksanakan sehingga keseluruhan projek mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan atau Sijil Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation – CFO, atau Certificate of Completion and Compliance - CCC*).

Berdasarkan statistik pemantauan pasukan Task Force ini, terdapat lima (5) projek perumahan terbengkalai daripada jumlah keseluruhan iaitu 114 projek direkodkan bagi Negeri Perak sehingga 30 Jun 2023. Lima projek ini melibatkan sebanyak 365 unit rumah dan 298 pembeli yang terkesan.

Justeru, Pasukan *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus mempergiatkan usaha pemantauan dan pemulihan projek-projek lewat, sakit dan terbengkalai di seluruh negara selari dengan keprihatinan Kerajaan MADANI terhadap kesejahteraan rakyat.

**#MalaysiaMadani**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertiwi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

